

16 MAR 1996

Mahathir - Bakun

TOLONG JAGA URUSAN SENDIRI, KATA MAHATHIR

KAPIT, 16 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan kumpulan yang menggelar diri sebagai pencinta alam dari Barat membantah projek hidroelektrik Bakun kerana mereka mahu Malaysia dan rakyatnya terus mundur.

Katanya, mereka sebenarnya bukan pencinta alam tetapi berjuang untuk kepentingan ekonomi negara-negara Barat bagi mengelakkan Malaysia daripada bersaing dengan kemajuan mereka.

Dr Mahathir, yang berucap kepada kira-kira 2,000 penduduk tempatan Bakun di tapak projek hidroelektrik itu, kira-kira 180km dari sini, berkata Malaysia mahu membangunkan negaranya sendiri dan meminta kumpulan terbabit supaya menjaga urusan sendiri.

Pada majlis itu Perdana Menteri melakukan upacara letupan simbolik pada bahagian pintu masuk pembinaan tiga terowong untuk menyimpangkan air Sungai Balui bagi menyediakan kawasan itu untuk projek pembinaan empangan Bakun bagi projek hidroelektrik yang akan menghasilkan 2,400 megawatt tenaga elektrik.

Projek berharga RM15,000 juta itu akan menyebabkan sebahagian besar kawasan di bahagian Hulu Sungai Balui menjadi empangan dan lebih 9,000 penduduk tempatan dipindahkan ke kawasan penempatan baru.

"Kita bukan mahu merosak, kita mahu membina," katanya merujuk kepada projek hidroelektrik itu.

Perdana Menteri berkata kaedah hidroelektrik telah lama digunakan di barat bagi menghasilkan bekalan elektrik yang murah dan hasilnya negara-negara itu menjadi maju sekarang.

Bagaimanapun bila negara seperti Malaysia mahu menjalankan projek serupa, mereka yang menggelar diri sebagai pencinta alam dari negara itu menentang dan menolak rancangan ini.

"Kalau nak tolak, tolaklah empangan di negara mereka dahulu," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan mahu membangun projek hidroelektrik Bakun untuk memajukan rakyat tempatan Bakun khususnya agar mereka dapat masuk dalam aliran utama pembangunan negara.

"Kita mahu mereka menukar cara hidup dan menerima cara hidup baru," katanya.

Penduduk tempatan, kebanyakan dari kaum Kenyah dan Kayan, di kawasan yang akan terlibat dengan projek Bakun itu, tinggal di rumah-rumah panjang dan masih mengamalkan sistem pertanian pindah.

Perdana Menteri mempersoalkan tujuan kumpulan pencinta alam mahu mempertahankan alam semula jadi di Bakun dan cara hidup lama penduduk tempatan di situ, yang kononnya dikatakan baik.

"Kalau cara hidup lama baik, kenapa orang Barat berubah, kalau baik sangat cara hidup hutan, mereka patut balik kepada cara hidup mereka 1,000 tahun dulu (tinggal dalam gua)," katanya.

Dr Mahathir kesal kerana ada orang tempatan yang terpengaruh dengan dakwah kumpulan pencinta alam itu dan turut menentang projek hidroelektrik Bakun itu.

"Harap rakyat sedar mereka ini bukan datang untuk menolong tetapi mahu membenam kita dalam bumi Bakun supaya kita tidak dapat bangun lagi," katanya.

Sementara itu Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dalam ucapannya berkata kerajaan negeri sedang menilai harta benda penduduk yang akan dipindahkan dari kawasan itu dan akan memberi pampasan yang adil.

Pada masa ini proses mengukur dan menilai sedang berjalan, katanya.
Yang turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Puan Sri Laila Taib dan sekumpulan 28 Anggota Parlimen.

Ini ialah lawatan kedua Dr Mahathir ke kawasan projek Bakun. Lawatan pertamanya ialah pada September 1994. -- Bernama

AFY AHH